



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**MOTIF UTAMA DAN MOTIVASI GURU TERHADAP PROGRAM
PENGAJIAN DI INSTITUT PENDIDIKAN
DAN PEMBELAJARAN JARAK JAUH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

ADANAN BIN MAT JUNOH

FPP 1998 85

**MOTIF UTAMA DAN MOTIVASI GURU TERHADAP PROGRAM
PENGAJIAN DI INSTITUT PENDIDIKAN
DAN PEMBELAJARAN JARAK JAUH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

OLEH

ADANAN BIN MAT JUNOH

**Projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian pendidikan
Universiti Putra Malaysia.**

Disember 1998



PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana memberi kekuatan dan petunjuk kepada saya sepanjang tempoh pengajian di Universiti Putra Malaysia dan seterusnya mampu menyiapkan penyelidikan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kepada penyelia bagi kajian ini Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mazanah Muhamad kerana telah memberi bimbingan yang sangat sempurna kepada saya di sepanjang penyelidikan dijalankan. Kesanggupan beliau untuk berkongsi kepakaran dengan memperuntukkan masa yang banyak pada setiap kali pertemuan telah menyedarkan saya akan erti penyelidikan itu sendiri dan memungkinkan penyelidikan ini dapat disiapkan. Inisiatif beliau membawa Prof. Dr. Sharan Merriam dari Universiti Of Georgia pada setiap kali pertemuan merupakan satu usaha yang sangat bermakna kepada penyelidikan ini kerana Prof. Sharan telah memberikan teguran-teguran yang sangat membina.

Kepada isteri saya, Hasiah Hj Kassim serta anak-anak Nurul Iman Hafizah, Nurul Iman Nadhirah dan Ahmad Iman Hafiz, jutaan terima kasih kerana anda semua sangat memahami dan dorongan dari kalian semua sangat tinggi nilainya.

Penghargaan juga dikhaskan kepada Tuan Haji Asrolin Sanuji, pengetua MRSM Jasin kerana 'menyediakan ruang' untuk saya melanjutkan pelajaran di samping sentiasa memberi dorongan dan teguran 'keras' yang sangat membina.



Buat 'partner' Azman Mohd Isa, terima kasih kerana sentiasa menemani saya belajar. Sesungguhnya kegigihan anda menjadi sumber kekuatan kepada saya. Saya berdoa kepada Allah S.W.T semoga anda akan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pengajian dan seterusnya akan tercapai apa yang dikehendaki.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan di Unit Kimia MRSM Jasin kerana banyak membantu saya dalam menjalankan tugas seharian di maktab. Kerjasama dari anda semua membolehkan saya untuk mempunyai masa yang lebih terluang bagi menjalankan penyelidikan ini.

Kepada pelajar-pelajar di MRSM Jasin, terutamanya Ahmad Muzri, Ainor Iman, Faiz, Sheikh, Idris, Azmi, Putri, Aina, Aini, Sara, Wan Farzihan dan Marlita terima kasih kerana sentiasa memahami kesibukan saya dan sentiasa memberi sokongan kepada saya untuk belajar. Saya berdoa mudah-mudahan anda akan berjaya dengan cemerlang.

Akhirnya, kepada guru-guru yang sedang melanjutkan pelajaran di IDEAL terima kasih kerana memberikan maklumat yang sangat berharga kepada penyelidikan ini. Syabas di atas kesanggupan anda untuk melanjutkan pelajaran. Usaha murni kalian adalah sumbangan yang tidak ternilai demi untuk mempertingkatkan martabat profesion perguruan dan pendidikan di negara kita. Semoga guru-guru semua akan berjaya dalam pengajian dengan cemerlang.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRACT	x
ABSTRAK	xii
BAB I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Masalah	1
Institut Pendidikan Dan Pembelajaran Jarak Jauh	5
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Andaian Kajian	9
Skop Kajian	10
Definisi Istilah	11
BAB II TINJAUAN LITERATUR	15
Pengenalan	15
Konsep Pendidikan Dan Pembelajaran	15
Konsep Pendidikan Dewasa	19
Teori Motivasi	23
Teori Hierarki Keperluan Maslow	27
Teori Dua Faktor Herzberg	28
Teori Jangkaan	30
Teori 'Existence Relatedness Growth' Alderfer	30
Kajian Mengenai Penyertaan Orang Dewasa Dalam Aktiviti Pendidikan	31
Faktor Sosio Demografi	36
Ringkasan	38



BAB III	METODOLOGI	40
	Reka Bentuk Kajian	40
	Kerangka Konsep Kajian	41
	Pembolehkan Bebas	43
	Pembolehkan Bersandar	44
	Populasi Kajian	45
	Persampelan	46
	Pengukuran dan Instrumen	47
	Pengesahan dan Praujian Instrumen	47
	Instrumen	49
	Pentadbiran Soal Selidik	51
	Analisis Data	52
	Aras Signifikan	53
BAB IV	TEMUAN DAN PERBINCANGAN	54
	Pengenalan	54
	Ciri Demografi Responden	54
	Nilai Pekali Reliabiliti	64
	Motif Utama Guru Melanjutkan Pelajaran	65
	Motivasi Terhadap Program Pengajian	69
	Perbezaan Kedudukan Motif Utama Berdasarkan	
	Pembolehkan Demografi	73
	Perbezaan Tahap Motivasi Berdasarkan Ciri Sosio	
	Demografi	79
BAB V	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI	
	DAN CADANGAN	84
	Ringkasan	84
	Latar Belakang Masalah	84
	Objektif	85
	Metodologi	85
	Kesimpulan	86
	Ciri Sosio Demografi Guru Yang Melanjutkan	
	Pelajaran	86
	Motif Utama Guru Melanjutkan Pelajaran	87
	Tahap Motivasi Terhadap Program Pengajian	88

	Perbezaan Kedudukan Motif Utama Berdasarkan Berdasarkan Ciri Sosio Demografi	89
	Perbezaan Tahap Motivasi Terhadap Program Pengajian Berdasarkan Ciri Sosio Demografi	89
Implikasi		
	Teori dan Metodologi	90
	Implikasi dan Cadangan Pelaksanaan	91
	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	94
BIBLIOGRAFI		96
LAMPIRAN	A Borang Soal Selidik	100
	B Surat Permohonan	109
	C Surat Kebenaran	111
BUTIR DIRI		113



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Taburan pekerjaan pelajar program pendidikan jarak jauh USM	3
2	Bilangan pelajar dewasa mengikut sektor pekerjaan di ITSM	4
3	Bilangan guru mengikut program pengajian di IDEAL	5
4	Kedudukan motif responden wanita berdasarkan umur	38
5	Bilangan sampel mengikut zon	47
6	Pembahagian item mengikut motif utama	50
7	Taburan responden mengikut jantina	55
8	Taburan responden mengikut bangsa	55
9	Taburan responden mengikut umur	57
10	Taburan responden mengikut kelayakan akademik	58
11	Taburan responden mengikut lokasi sekolah	59
12	Taburan responden mengikut kategori sekolah	59
13	Taburan responden mengikut pendapatan bulanan	60
14	Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	61
15	Taburan responden mengikut program pengajian	62
16	Taburan responden mengikut semester pengajian	63

17	Taburan responden mengikut status perkahwinan	64
18	Pekali reliabiliti bagi bahagian I & II	65
19	Kedudukan motif utama	66
20	Taburan responden mengikut julat skor	70
21	Taburan responden mengikut tahap motivasi terhadap program pengajian	71
22	Taburan responden mengikut tahap motivasi berdasarkan penilaian sendiri	72
23	Perbezaan kedudukan motif berdasarkan bangsa	74
24	Perbezaan kedudukan motif berdasarkan jantina	75
25	Perbezaan kedudukan motif mengikut lokasi sekolah	76
26	Perbezaan kedudukan motif mengikut kategori sekolah	77
27	Perbezaan kedudukan motif mengikut program pengajian	78
28	Keputusan analisis varians (ANOVA) antara motivasi dan pembolehubah sosio demografi	80
29	Keputusan ujian T antara motivasi dengan beberapa pembolehubah sosio demografi	81
30	Min skor tahap motivasi mengikut bangsa responden	81
31	Min skor tahap motivasi mengikut semester pengajian responden	82
32	Min skor tahap motivasi mengikut program pengajian responden	82
33	Min skor tahap motivasi mengikut lokasi responden	83



SENARAI RAJAH

RAJAH		Muka Surat
1	Perkaitan di antara pendidikan dewasa, formal dan non formal	23
2	Faktor-faktor motivasi pembelajaran	25
3	Model urutan motivasi	26
4	Hierarki keperluan manusia	28
5	Elemen-elemen dalam Teori Dua Faktor Herzberg	29
6	Model asas Teori Jangkaan	30
7	Motif utama penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan berdasarkan kajian di luar negara	34
8	Motif utama penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan berdasarkan di Malaysia	35
9	Model teoretikal Arshad	41
10	Kerangka konsep Arshad	42
11	Kerangka konsep kajian	45
12	Perbandingan kedudukan motif utama	68

Abstract of project paper submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the Degree Of Master Of Science

PRIMARY MOTIVES OF TEACHER'S AND THEIR MOTIVATION
TOWARDS THE LEARNING PROGRAMMES AT INSTITUTE FOR
DISTANCE EDUCATION AND LEARNING
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

By

ADANAN BIN MAT JUNOH

Supervisor : Assoc. Prof. Dr. Mazanah Muhamad

Faculty : Faculty of Educational Studies

The increase in the number of teachers pursuing higher education at this juncture of the 20th. century is a positive phenomenon. It will provide more knowledgeable and skillful educators for the schools in view of the educational challenges and to improve the quality of education in this country.

The general objective of the study is to identify the primary motives of the teachers in continuing education through the distance learning programme and to identify the level of motivation teachers possess towards the programme. Besides, the study also aims to identify the differences in the position of the primary motives and level of motivations among teachers of various socio-demographic background.

The study begins with indepth interviews to prepare the research questionnaire. This is followed by the construction of the questionnaire and then pre-testing it. From a population of 3839 teachers, a sample of 360 teachers from



four learning centres of IDEAL in Peninsular Malaysia was selected in the collection of data. From this sample, a total of 272 questionnaires was returned and used for analysis in the study.

The study found seven primary motives for teachers pursuing higher education namely: (1) professional advancement, (2) cognitive interest, (3) social welfare, (4) personal goal, (5) learning activities, (6) external expectation and (7) social relationships.

Teachers are found to have high motivation towards the learning programme. The socio-demographic characteristics which showed significant differences with respect to the learning programme are race, semester (stage of study), programme of study and location of the school. Other demographic variables like age, sex, income tenure of service, marital status, academic qualifications and school category do not show significant differences.

On the whole, the findings of this study is consistent with previous findings. Thus it will be relevant and useful reference for IDEAL, other institutions of higher learning and the Ministry of Education in their planning of educational programmes for teachers that are in line with their motives and motivation

Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains

**MOTIF UTAMA DAN MOTIVASI GURU TERHADAP PROGRAM
PENGAJIAN DI INSTITUT PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN JARAK
JAUH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Oleh

ADANAN BIN MAT JUNOH

Penyelia : Prof. Madya Dr. Mazanah Muhamad

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan.

Pertambahan bilangan guru yang melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi pada pengakhiran abad ke-20 merupakan satu fenomena yang positif kearah menyediakan tenaga pendidik di sekolah yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi bagi menghadapi cabaran pendidikan dan mempertingkatkan mutu pendidikan di negara ini.

Objektif umum kajian adalah untuk mengenalpasti motif utama guru melanjutkan pelajaran melalui program pendidikan jarak jauh dan menentukan tahap motivasi guru terhadap program pengajian. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan kedudukan motif utama dan tahap motivasi di kalangan guru yang mempunyai ciri sosio demografi yang berbeza.

Kajian ini bermula dengan proses temuduga secara terperinci bagi menyediakan instrumen. Proses ini diikuti oleh pembinaan dan pelaksanaan praujian instrumen tersebut.



Daripada populasi sejumlah 3839 orang guru, hanya 360 orang guru dari empat pusat pembelajaran IDEAL di Semenanjung Malaysia terlibat dalam pengumpulan data. Daripada sampel itu, 272 borang soal selidik yang lengkap telah digunakan dalam analisis bagi kajian ini.

Kajian dapat mengenalpasti tujuh motif utama guru melanjutkan pelajaran seperti berikut: (1) pembangunan profesional, (2) minat kognitif, (3) kebajikan sosial, (4) matlamat peribadi, (5) aktiviti pembelajaran, (6) jangkauan luaran dan (7) perhubungan sosial.

Guru-guru didapati mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap program pengajian ini. Ciri-ciri sosio demografi yang menunjukkan perbezaan signifikan bagi tahap motivasi terhadap program pengajian adalah bangsa, semester pengajian, program pengajian dan lokasi sekolah. Manakala pembolehubah demografi seperti umur, jantina, pendapatan, tempoh perkhidmatan, status perkahwinan, kelayakan akademik dan kategori sekolah tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Secara keseluruhannya, temuan kajian ini adalah konsisten dengan temuan yang terdahulu. Oleh yang demikian, bolehlah ia dijadikan rujukan kepada IDEAL, institusi-institusi pengajian tinggi lain dan Kementerian Pendidikan Malaysia semasa merangka program pendidikan bagi guru supaya bersesuaian dengan motif penyertaan dan motivasi mereka dalam aktiviti pendidikan.

BAB I

PENDAHULUAN

Latar belakang masalah

Pengakhiran abad ke-20 menyaksikan berlaku beberapa perubahan dalam senario pendidikan di negara kita sama ada di peringkat sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi. Fenomena yang paling ketara ialah pertambahan bilangan pelajar dari golongan orang dewasa di pusat-pusat pengajian tinggi sama ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Ini merupakan satu perkembangan yang sangat positif jika dilihat dari aspek perkembangan budaya ilmu dan penyediaan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan bagi keperluan negara menjelang abad ke-21. Permintaan yang semakin bertambah dari golongan orang dewasa untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi memaksa institusi pengajian tinggi awam dan swasta melaksanakan beberapa program tertentu bagi menyediakan peluang kepada golongan dewasa mendapatkan pendidikan.

Antaranya adalah program pendidikan jarak jauh (PJJ), pengajian luar kampus dan program berkembar di antara institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pada masa ini hampir semua universiti awam di negara ini menyediakan program pengajian tersebut bagi memenuhi permintaan dari pelajar-pelajar dewasa. Perkembangan ini dilihat sebagai pendekatan kearah merealisasikan konsep pendemokrasian pendidikan dalam sistem pendidikan negara di samping merupakan

antara pendekatan utama bagi menjayakan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan dan pusat kecemerlangan akademik yang terulung di benua Asia.

Jika dilihat dengan lebih terperinci lagi fenomena ini, guru merupakan golongan orang dewasa yang paling ramai terlibat dalam 'senario orang dewasa kembali ke sekolah' sama ada melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama atau pada peringkat ijazah lanjutan di institusi pengajian tinggi dalam pelbagai bidang pengajian. Rohana (1988) melaporkan bahawa 80% daripada seramai 3800 orang pelajar program pendidikan jarak jauh yang mendaftar bagi sesi pengambilan 1998/99 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah terdiri dari golongan guru. Laporan itu juga menyebut bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia kini mempunyai hampir 8,000 orang pelajar dewasa dalam program pendidikan jarak jauh. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pendidikan dewasa atau pendidikan lanjutan semakin mendapat sambutan di negara ini.

Di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, bilangan pelajar dewasa dari golongan guru jauh lebih tinggi berbanding dengan bilangan pelajar dewasa dari kategori pekerjaan lain. Pada tahun 1991, terdapat seramai 1536 orang guru dalam program pendidikan jarak jauh USM ataupun kira-kira 55% daripada keseluruhan pelajar dalam program pendidikan jarak jauh. Angka ini secara relatifnya adalah besar kerana ia melebihi separuh dari bilangan pelajar dewasa berbanding dengan kategori pekerjaan lain dari sektor awam dan swasta. Bilangan ini dijangka bertambah dari masa kesemasa kerana aktiviti pendidikan dewasa melalui program pendidikan jarak jauh semakin mendapat sambutan. Jadual 1 menunjukkan bilangan

pelajar dewasa mengikut kategori pekerjaan yang mengikuti program pendidikan jarak jauh di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1991.

Jadual 1
Taburan pekerjaan pelajar program pendidikan jarak jauh USM .

Jenis Pekerjaan	Bilangan	%
Guru/pendidikan	1536	55.0
Kerani	346	12.4
Polis	303	10.9
Juruteknik	91	3.3
Penyelia	89	3.2
Kastam	52	1.9
Penyelidik	42	1.5
Jururawat/ahli farmasi	41	1.4
Jurujual	35	1.3
Lain-lain	211	9.1
Jumlah	2792	100.0

(Sumber : Karsono, 1993)

Melalui satu tinjauan yang dibuat oleh penyelidik, terdapat tiga institusi pengajian yang menyediakan program pendidikan untuk golongan guru melanjutkan pelajaran di negeri Melaka. Tiga pusat pengajian tersebut ialah Maktab Perguruan Melayu Melaka (MPPM), Institut Teknologi Seni Melaka (ITSM) dan Kolej Yayasan Melaka (KYM). Di kolej Yayasan Melaka terdapat seramai 1090 orang guru yang sedang mengikuti program pengajian jarak jauh di tahun satu dan dua. Dari jumlah ini, seramai 470 orang merupakan penuntut tahun dua, manakala selebihnya iaitu seramai 620 orang merupakan penuntut tahun satu. Menurut satu

sumber dari Kolej Yayasan Melaka, setiap kali permohonan di buka, lebih dari 3000 orang guru memohon untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama dalam program pengajian pendidikan di kolej tersebut.

Jadual 2 menunjukkan peratusan bilangan pelajar dewasa di Institut Teknologi Seni Melaka (ITSM) berdasarkan kategori pekerjaan.

Jadual 2
Peratus pelajar dewasa mengikut sektor pekerjaan di ITSM

Pekerjaan	Peratus Pelajar
Guru	57%
Sektor swasta	27%
Pegawai kerajaan	15%
Lain-lain	1%
Jumlah	100%

(Sumber : ITSM, 1998)

Guru mewakili 57% daripada jumlah pelajar dewasa yang sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh dalam pelbagai bidang pada peringkat ijazah pertama di Institut Teknologi Seni Melaka (ITSM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Di Institut Pendidikan Dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL), Universiti Putra Malaysia (UPM) pada masa kini [Julai 1998] terdapat seramai 3839 orang guru yang sedang melanjutkan pelajaran mereka melalui program pendidikan jarak jauh (IDEAL, 1988). Jadual 3 menunjukkan pecahan bilangan guru mengikut

program pengajian di Institut Pendidikan Dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL), Universiti Putra Malaysia.

Jadual 3
Bilangan guru mengikut program pengajian di IDEAL

Program	1996	1997	1998	Jumlah
PBMP	446	628	548	1622
B&K	390	575	230	1195
TESL	247	406	369	1022
Jumlah	1083	1609	1147	3839

(Sumber: IDEAL, 1988)

PBMP --- Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama

TESL --- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua

B & K --- Bimbingan dan Kaunseling

Daripada data-data di atas, jelas menunjukkan bahawa guru merupakan golongan dewasa yang paling ramai melanjutkan pelajaran atau terlibat dengan aktiviti pendidikan dewasa. Fenomena ini menyediakan persoalan kepada penyelidikan ini yang berkisar di sekitar motif guru melanjutkan pelajaran dan tahap motivasi terhadap program pengajian. Sehingga kini belum ada penyelidikan yang dibuat di negara ini untuk mengenalpasti motif utama guru melanjutkan pelajaran.

Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL)

Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh atau *Institute for Distance Education and Learning* (IDEAL), Universiti Putra Malaysia ditubuhkan dengan

rasminya pada 26 Jun 1996 apabila ia dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Hj. Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia pada tarikh tersebut. Penubuhan Institut Pendidikan Dan Pembelajaran Jarak Jauh adalah berasaskan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya setiap institusi pengajian tinggi menawarkan program pendidikan jarak jauh (PJJ). Sehubungan dengan ini, Universiti Putra Malaysia telah melakukan penyusunan semula organisasi Unit Pendidikan Lanjutan (UPL) dan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan (PPPL) yang membawa kepada penubuhan Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh atau lebih dikenali dengan singkatan nama IDEAL.

Penubuhan IDEAL mempunyai pelbagai fungsi. Di antaranya ialah untuk:-

1. Mengendalikan dan menyelaraskan pendidikan jarak jauh dan pembelajaran terbuka kepada Universiti Putra Malaysia.
2. Menyediakan peluang kepada rakyat Malaysia terutama kepada para pekerja di sektor awam dan swasta untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
3. Memanfaatkan kepakaran Universiti Putra Malaysia dalam pelbagai bidang kepada masyarakat dan negara.

Pada masa ini (1998) IDEAL menawarkan dua peringkat pengajian iaitu peringkat ijazah pertama dan peringkat ijazah lanjutan. Program ijazah pertama yang ditawarkan ialah program Bachelor Sains Komputer dan Bachelor Pendidikan dalam bidang pengkhususan Bimbingan dan Kaunseling (B&K), Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama (PBMP) dan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL). Manakala pada peringkat ijazah lanjutan ialah program Master Sains dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia (IDEAL, 1998).

Pernyataan masalah

Guru merupakan elemen utama dalam organisasi pendidikan pada peringkat sekolah di negara ini. Oleh yang demikian, kejayaan sistem persekolahan berkait rapat dengan komitmen dan kemampuan guru menjalankan tugas dengan berkesan. Pertambahan bilangan guru yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dilihat sebagai satu perkembangan positif dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di negara ini. Namun begitu, motif sebenar guru melanjutkan pelajaran masih belum dikenalpasti.

Sehubungan dengan ini, persoalan utama yang tercetus di sebalik perkembangan ini adalah apakah motif utama yang mendorong guru melanjutkan pelajaran dan tahap motivasi mereka terhadap program pengajian? Oleh yang demikian, kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut yang terhasil dari persoalan utama di atas dengan memfokuskan kajian terhadap guru yang sedang melanjutkan pelajaran di Institut Pendidikan Dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL), Universiti Putra Malaysia.

1. Apakah motif utama bagi guru melanjutkan pelajaran ?
2. Sejauh manakah tahap motivasi guru terhadap program pengajian yang sedang mereka ikuti ?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap motivasi terhadap program pengajian di kalangan guru yang mempunyai ciri sosio demografi yang berbeza ?
4. Adakah terdapat perbezaan kedudukan motif utama di kalangan guru yang mempunyai ciri sosio demografi yang berbeza ?

Objektif kajian

Objektif umum

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti motif utama guru melanjutkan pelajaran atau menyertai aktiviti pendidikan dewasa. Di samping itu, kajian juga bertujuan untuk menentukan tahap motivasi guru terhadap program pengajian yang sedang diikuti di IDEAL.

Objektif khusus

Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Untuk mengenalpasti ciri sosio demografi guru yang melanjutkan pelajaran di IDEAL.
2. Untuk mengenalpasti motif utama guru melanjutkan pelajaran di IDEAL.
3. Untuk menentukan tahap motivasi guru terhadap program pengajian yang sedang diikuti.
4. Untuk mengenalpasti perbezaan kedudukan motif utama di kalangan guru yang mempunyai ciri sosio demografi yang berbeza.
5. Untuk mengenalpasti perbezaan tahap motivasi terhadap program pengajian di kalangan guru yang mempunyai ciri sosio demografi yang berbeza.

Kepentingan kajian

Kajian ini menyediakan maklumat yang terperinci mengenai persoalan mengapakah begitu ramai guru kembali melanjutkan pelajaran di pusat-pusat

pengajian tinggi. Pertama, hasil kajian adalah diharapkan agar dapat dijadikan input kepada Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merancang program pembangunan dan perkembangan kerjaya guru dalam konteks menyediakan peluang-peluang yang lebih luas kepada guru untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi berasaskan kepada motif utama mereka melanjutkan pelajaran.

Kedua, hasil kajian ini dijangka dapat membantu IDEAL dan UPM serta institusi pengajian tinggi lain yang terlibat dengan pendidikan dewasa, khususnya pendidikan guru untuk memahami keperluan guru dan tujuan utama mereka melanjutkan pelajaran. Maklumat seperti ini membolehkan satu bentuk program pengajian yang memenuhi kehendak guru-guru dirangka di negara ini pada masa akan datang. Langkah menyediakan program pengajian yang bersesuaian dengan motif utama dan motivasi guru sangat penting bagi menggalakkan lebih ramai guru menyertai aktiviti pendidikan dewasa.

Akhirnya, kajian ini akan memberikan maklum balas kepada guru-guru yang sedang melanjutkan pelajaran tentang motif sebenarnya di sebalik keghairahan mereka menyambung pelajaran. Adalah diharapkan agar temuan kajian ini memberi gambaran kepada guru bahawa tindakan mereka seharusnya berasaskan tujuan dan matlamat tertentu serta bukan merupakan satu fenomena atau trend yang menjadi ikutan semasa.

Andaian kajian

Terdapat tiga andaian utama yang dibuat dalam kajian ini dalam usaha untuk mengenalpasti motif utama dan menentukan tahap motivasi guru terhadap program

pengajian. Andaian pertama ialah guru yang melanjutkan pelajaran di IDEAL terlibat secara langsung dalam aktiviti pendidikan formal. Ini berdasarkan bahawa mereka sedang mengikuti program pengajian yang distrukturkan dengan teratur oleh institusi pendidikan formal iaitu UPM di bawah kelolaan IDEAL. Kedua, guru itu sendiri yang merupakan golongan dewasa, maka tindakan mereka melanjutkan pelajaran boleh dianggap sebagai menyertai aktiviti pendidikan dewasa yang dikendalikan secara formal oleh IDEAL.

Ketiga, sampel kajian ini didapati daripada guru yang sedang mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat ijazah pertama. Sehubungan dengan ini, andaian ketiga kajian adalah guru-guru tersebut mempunyai beberapa motif tertentu untuk di capai apabila mereka melanjutkan pelajaran.

Skop kajian

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan guru yang sedang mengikuti pelbagai program pengajian di UPM di bawah kelolaan IDEAL. Walaubagaimanapun kajian ini dihadkan kepada guru yang sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh di peringkat ijazah pertama dalam program pengajian pendidikan sahaja.

Guru-guru yang sedang melanjutkan pelajaran terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah sama ada dari sekolah bantuan penuh kerajaan atau sekolah swasta. Namun begitu, kajian ini dihadkan kepada guru dari sekolah bantuan penuh kerajaan sahaja.

Kajian juga dihadkan kepada guru yang sedang bertugas di Semenanjung Malaysia sahaja walaupun terdapat guru dalam populasi kajian sedang bertugas di Sabah dan Sarawak.

Definisi istilah

Berikut merupakan beberapa istilah yang sering terdapat dalam kajian ini:-

Guru: Merupakan individu-individu yang bertugas sebagai guru di sekolah-sekolah di seluruh negara. Mereka pada masa ini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama di IDEAL.

Pendidikan dewasa: Pendidikan dewasa merupakan semua aktiviti pendidikan yang dilaksanakan khusus untuk guru yang sedang melanjutkan pelajaran di IDEAL.

Pelajar dewasa: Adalah pelajar-pelajar dari golongan orang dewasa yang merupakan guru dari sekolah bantuan penuh kerajaan yang sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh di IDEAL.

Institusi pengajian tinggi: Merujuk kepada pusat pengajian tinggi di mana guru yang melanjutkan pelajaran. Dalam kajian ini institusi pengajian tinggi merujuk kepada Universiti Putra Malaysia.

Lokasi sekolah: Merujuk kepada kedudukan sekolah sama ada di bandar atau di luar bandar.

Kategori sekolah: Merujuk kepada jenis sekolah iaitu sekolah rendah dan menengah.